



Bagaimana cakap 'tidak boleh' pada anak... dan tak rasa bersalah

BAGAIMANAKAH kita boleh mengatakan tidak kepada anak kita tanpa berasa bersalah atau tanpa mengundang 1,001 pertanyaan susulan?

Atau supaya tidak mengundang reaksi lebih ekstrem yang biasanya boleh menyebabkan kita mengalami dan mengubah jawapan asal kita itu.

Saya tiada jawapannya. Jika ada, saya mungkin tidak perlu menulis laporan ini.

Namun, saya sedar cara saya berkata 'tidak' kepada anak-anak saya telah berubah mengikut pengalaman dan usia mereka.

Kadangkala, cara yang berkesan dalam sesebuah keadaan tidak begitu berkesan dalam keadaan lain.

Sebagai contoh, saya sedar kini, sekurang-kurangnya bagi anak-anak saya, menjawab "tidak" kepada mereka apabila mereka meminta untuk menonton televisyen lebih mudah dilakukan dah lebih mudah meraih kesudahan yang di mahukan berbanding menjawab sedemikian apabila mereka meminta mainan di kedai atau di tempat awam lain.

Berdasarkan pengalaman ini, saya dan isteri mempunyai taktik – yang telah diperhalusi saban tahun – untuk menyampaikan mesej bermaksud "tidak" tanpa menyebut perkara itu.

CATATAN WARTAWAN



NORMAN SAWI
normans@sph.com.sg
Koresponden Kanan

Ini kami lakukan dengan pelbagai cara, termasuk mengalihkan perhatian mereka kepada perkara lain atau membuat perjanjian bagi masa depan.

Taktik yang paling berkesan adalah supaya langsung tidak memasuki kedai mainan, tapi kadangkala, strategi ini juga tidak menjaudi.

Sebenarnya, apa yang ingin saya katakan ialah saya dan isteri cuba mempelbagaikan reaksi kami dan cara kami mengatakan tidak tanpa membuat keadaan menjadi tegang atau tanpa kita hilang sabar.

Dalam aspek ini, isteri saya mungkin lebih berkeupayaan... saya mungkin bersifat lebih telinga nipis dan perlu lebihkan 'latihan' dalam aspek ini.

Saya terfikir tentang aspek keibu-bapaan ini – untuk berkata 'tidak' - selepas membaca tentang hasil kajian yang dilakukan Persekutuan Kanak-Kanak Singapura (SCS) baru-baru ini.

Kajian itu, yang dilakukan bersama Kolej Yale-NUS mendapati separuh ibu bapa yang selalu menggunakan disiplin fizikal ke atas anak-anak mereka sedar kaedah disiplin sedemikian kurang berkesan.

Namun mereka tetap berbuat demikian atas beberapa sebab, antaranya kerana mereka sendiri mungkin pernah dikenakan disiplin fizikal semasa kecil.

Kajian itu melibatkan 747 ibu bapa dan 667 orang dewasa muda, serta siri wawancara dengan 20 ibu bapa dan 25 orang dewasa muda, yang dilakukan pada separuh pertama 2021.

Orang dewasa muda yang terlibat dalam kajian ini berusia antara 18 tahun dengan 25 tahun dan tidak ada anak.

Kajian itu juga mengatakan kaedah disiplin yang tidak dilakukan secara fizikal, dan melibatkan perbualan dan memberitahu kanak-kanak buruk baik sesuatu perbuatan melahirkan huraihan yang lebih produktif.

Sebagai seorang bapa dua anak yang jarang menggunakan disiplin fizikal ke atas anak-anak saya dan

cuba berbual dengan mereka terlebih dahulu – dengan kesudahan yang berbeza-beza – hasil kajian ini menarik perhatian saya.

Bagi saya kajian tersebut – yang difahami adalah yang pertama dilakukan berhubung disiplin fizikal – adalah langkah pertama yang baik untuk memahami cara berkesan untuk mendisiplin anak-anak.

Namun, saya juga mendamba kajian susulan yang boleh menunjukkan atau mencerahkan keadaan tentang kesan pelbagai jenis disiplin fizikal ke atas kanak-kanak, misalnya.

Mungkin ada nilainya juga, jika kita mengambil kira aspek 'praktik' apabila melakukan kajian susulan itu.

Sebagai contoh, dan dari sudut pandang kasar, perbuatan mencubit sedikit anak di peha sebelum memberitahunya apa yang dibuatnya itu salah – selepas beberapa kali 'amaran' ibu bapa tidak diendahkan – mungkin lebih berkesan daripada sekadar bersuara semata-mata sahaja.

Maksud saya, tindakan fizikal yang dilakukan perlu setimpal dengan kesilapannya dan tidak bertujuan atau boleh mencederakan kanak-kanak.

Namun, mungkin cara ini juga kurang sempurna dan perlu difikirkan semula, dalam konteks hasil kajian SCS baru-baru ini.



– Foto BH oleh SYAMIL SAPARI

“Saya sedar kini, sekurang-kurangnya bagi anak-anak saya, menjawab “tidak” kepada mereka apabila mereka meminta untuk menonton TV lebih mudah dilakukan dah lebih mudah meraih kesudahan yang di mahukan berbanding menjawab sedemikian apabila mereka meminta mainan di kedai atau di tempat awam lain.

Berdasarkan pengalaman ini, saya dan isteri mempunyai taktik – yang telah diperhalusi saban tahun – untuk menyampaikan mesej bermaksud “tidak” tanpa menyebut perkara itu.”

– Penulis.

DAPATAN KAJIAN DISIPLIN FIZIKAL DI S'PURA

Hampir 30 peratus ibu bapa yang menggunakan kaedah disiplin fizikal didapati kerap melakukan demikian.

Kajian tersebut, yang melibatkan 747 ibu bapa, turut mendapati bahawa lapan dalam 10 ibu bapa menggunakan kaedah disiplin menggunakan psikologi dan pada masa yang sama mereka juga menggunakan kaedah mendenda bukan fizikal.

Sebagai sebahagian daripada kajian tersebut, sebanyak 667 belia juga ditinjau mengenai kaedah disiplin yang mereka alami semasa kecil.

SEKURANG-KURANGNYA 45 peratus ibu bapa di Singapura menggunakan kaedah denda fizikal seperti memukul menggunakan tangan atau objek dalam tempoh setahun lalu, menurut satu kajian baru-baru ini.

Hampir 30 peratus ibu bapa yang menggunakan kaedah disiplin fizikal didapati kerap melakukan demikian, lapor *The Straits Times* (ST).

Kajian tersebut, yang melibatkan 747 ibu bapa, turut mendapati bahawa lapan dalam 10 ibu bapa menggunakan kaedah disiplin menggunakan psikologi dan pada masa yang sama mereka juga menggunakan kaedah mendenda bukan fizikal.

Sebagai sebahagian daripada kajian tersebut, sebanyak 667 belia juga ditinjau mengenai kaedah disiplin yang mereka alami semasa kecil.

Hasil kajian tersebut – yang dilaksanakan tahun lalu – disiarkan baru-baru ini.

Menurutnya, kaedah disiplin psikologi merujuk kepada menengking dan memarahi kanak-kanak tersebut sementara kaedah bukan fizikal merujuk kepada menggunakan pertimbangan dan juga ganjaran jika kanak-kanak itu memaparkan tingkah laku yang baik.

Disiplinkan anak tanpa memukul: Bagaimana capai keseimbangan?

PENGALAMAN IBU BAPA TENTUKAN CARA DIDIK ANAK: Menurut kajian, pengalaman ibu bapa turut menentukan cara mereka mendisiplin anak-anak. – Foto hiasan

Kajian tersebut dilaksanakan bersama oleh Persatuan Kanak-Kanak Singapura dan Kolej Yale-NUS bagi memahami kelaziman disiplin fizikal di Singapura dan pengalaman yang dilalui ibu bapa, penjaga dan juga belia.

Sebahagian besar responden mengambil bahagian dalam tinjauan bertulis sementara sebilangan kecil ditemu bual bagi mendapatkan jawapan kualitatif.

Butiran seperti jenis kediaman responden dan sama ada mereka merupakan lulusan universiti turut diambil kira.

Menurut kajian itu, sekitar 28 peratus ibu bapa berkata disiplin fizikal tidak berkesan, dan sekitar 43 peratus mendeda ia tidak berkesan selalu.

Hampir 27 peratus berkata mereka berpendapat kaedah disiplin fizikal tidak boleh diterima, dan 49 peratus berkata mereka mendapati kaedah fizikal tidak boleh diterima selalu.

Persatuan Kanak-Kanak juga telah menjalankan dua tinjauan pada 1994 dan 2010 untuk melihat sama ada



kaedah mendenda fizikal sama seperti mendera atau mengabaikan kanak-kanak.

Jumlah responden yang menganggap penggunaan rotan sebagai mendera jatuh daripada 27.9 peratus pada 1994 kepada 19.2 peratus pada 2010.

Dalam pada itu, 64.3 peratus responden yang ditinjau pada 1994 mendapati mengunci kanak-kanak dalam bilik untuk mendisiplin sama seperti mendera, berbanding 51 peratus pada 2010.

Antara dapatan lain yang timbul daripada temu bual dengan 20 ibu bapa dalam kajian terkini itu adalah tindakan disiplin fizikal jarang dilaksanakan sebagai respons segera kepada tingkah laku kanak-kanak, dan hanya akan dilakukan jika tiada pilihan lain.

Sesetengah ibu bapa juga mewajarkan penggunaan tindakan mendenda secara fizikal disebabkan pengalaman mereka semasa kecil, sementara sesetengah lain berkata hukuman sebat yang digunakan pihak berkuasa mewajarkan tindakan mereka.

Ibu bapa juga berkata keadaan emosi dan tekanan yang dirasakan turut memainkan peranan dalam menyebabkan mereka mengambil tindakan disiplin fizikal secara impulsif kerana mereka mungkin bertindak disebabkan perasaan marah.

Kaedah disiplin bukan fizikal – seperti sesi 'timeout' untuk anak-anak – dilihat sebagai satu 'kemewahan' yang tidak dapat dilakukan dalam setiap situasi.

Kajian tersebut turut mendapati kanak-kanak kecil lebih terdedah kepada kaedah disiplin fizikal, dengan sekitar 40.6 peratus ibu bapa kanak-kanak prasekolah didapati berkemungkinan menggunakan kaedah tersebut.

Ini diikuti oleh ibu bapa bayi – dengan sebanyak 31.3 peratus yang berkemungkinan menggunakan kaedah disiplin fizikal.

Hanya 29.3 peratus ibu bapa kanak-kanak di sekolah rendah berkemungkinan menggunakan kaedah tersebut.

Di Singapura, kaedah disiplin fizikal hanya dilarang di pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika.